

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI RUNDINGAN AWAM MyCC TERHADAP PINDAAN AKTA PERSAINGAN 2010

**KUALA LUMPUR, 26 MEI 2022** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah melancarkan sesi rundingan awam dalam talian sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk pindaan Akta Persaingan 2010, di mana orang ramai dan pihak berkepentingan yang relevan dijemput untuk memberikan pandangan, input dan maklum balas mengenai cadangan pindaan tersebut.

Langkah pindaan ini telah dijalankan oleh MyCC untuk menjadikan undang-undang persaingan Malaysia lebih komprehensif dan selaras dengan amalan antarabangsa untuk MyCC melaksanakan fungsi berkanunnya dengan berkesan bagi menggalakkan dan melindungi proses persaingan dalam pasaran. Pindaan Akta Persaingan 2010 termasuk pindaan peruntukan berkaitan penyiasatan dan kuasa penguatkuasaan dan pengenalan rejim kawalan penggabungan yang akan memberikan MyCC kuasa untuk menilai dan menyiasat transaksi penggabungan yang berpotensi menyebabkan penumpuan pasaran.

“MyCC telah melancarkan rundingan awam dalam talian pada 25 April 2022 dan akan menerima input dan pandangan daripada orang ramai dan pihak berkepentingan yang berkaitan sehingga 27 Mei 2022. MyCC juga akan mengadakan dua sesi rundingan awam fizikal yang berasingan untuk agensi kerajaan dan orang ramai. Sesi ini dijadualkan pada 7 dan 8 Jun 2022.”

“Penguatkuasaan yang kukuh adalah penting bagi perundangan yang berkesan. Impak Akta Persaingan 2010 bergantung kepada pelaksanaannya yang berkesan, melalui sistem penguatkuasaan yang kukuh dan berteraskan kepada sumber yang mencukupi. Ini adalah penting untuk memastikan semua instrumen persaingan digunakan dengan bersesuaian. Justeru, sebarang komen dan maklum balas daripada orang ramai adalah penting bagi MyCC untuk mengorak langkah ke hadapan bagi menentukan landskap perundangan persaingan tempatan,” kata Yang Berhormat Dato Seri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.



**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

Salinan pindaan tersebut dan maklumat penting berkenaan pelaksanaan pindaan undang-undang ini boleh didapati di laman web MyCC di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my). Maklumat lanjut mengenai sesi rundingan awam dalam talian dan fizikal MyCC juga boleh didapati di laman web yang sama.

**-tamat-**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: [cadmycc@mycc.gov.my](mailto:cadmycc@mycc.gov.my)

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).